



JALAN ALOR DAN EKONOMI MALAM : BAGAIMANA MURAL MENGUBAH TINGKAH LAKU PEJALAN KAKI

Kuala Lumpur memiliki medan sosial yang tidak tertulis dalam manual perancangan bandar. Ia dikenal sebagai medan yang hanya hidup selepas matahari terbenam, salah satunya adalah Jalan Alor, bertindak sebagai pentasnya.

Jika pada siang hari, Jalan Alor sekadar lorong biasa, sesak dengan kenderaan serta aktiviti jual beli seperti di kawasan lain di Kuala Lumpur. Namun apabila malam menjelma, ia menjadikannya panggung besar yang dipenuhi pelancong asing, penjaja makanan, penghibur jalanan, lampu neon, aroma sate, tom yam dan ikan bakar yang semuanya bergabung membentuk bahasa bandar yang hanya boleh difahami menerusi pengalaman.

Di tengah dinamika ini, DBKL memperkenalkan sesuatu yang kelihatan kecil tetapi membawa kesan besar, iaitu mural. Bagi sesetengah pihak, mural sekadar lukisan di dinding. Tetapi bagi Kuala Lumpur, ia adalah diplomasi malam yang membentuk cara kota mengatur pengalaman, tingkah laku dan lenggok manusia ketika ruang menjadi padat.

Dalam teori pembangunan bandar, tingkah laku manusia di waktu malam lebih dipengaruhi deria berbanding rasional. Orang berjalan di mana mereka merasa selamat dan singgah di mana mereka merasa ingin melihat. Di sinilah mural mengambil tempatnya dalam ekosistem Jalan Alor. Ia bukan sekadar latar belakang visual, tetapi alat navigasi dan pemangkin aliran manusia dimana sesuatu yang difahami DBKL ketika merancang identiti baharu lorong belakang Jalan Alor sebagai koridor pelancongan berimpak sosial.

Jalan Alor sebagai panggung malam

Tidak semua ruang di bandar raya punyai nadi seperti Jalan Alor. Ia bergerak mengikut ritma yang pelik tetapi jujur, ketika siang ia seolah lesu, namun tika malam, ia menjadi meriah seperti pesta jalanan. Namun kejutan ini, jika tidak diatur, mudah bertukar kepada pengalaman kacau kerana di Kawasan yang punyai lorong yang gelap, penjaja bersaing ruang, pelancong mencari arah, dan rasa tidak selamat yang menyusup tanpa disedari.

Intervensi fizikal seperti pencahayaan, naik taraf saliran dan susun atur ruang sudah dibuat oleh DBKL. Tetapi kawasan ini memahami bahawa selepas infrastruktur, manusia memerlukan bahasa yang merangkumi satu bentuk komunikasi ruang yang tidak memerlukan huruf untuk dibaca. Di situlah mural memainkan peranannya. Mural di Jalan Alor bertindak sebagai kompas perasaan yang mengundang manusia untuk berhenti, memandang, dan dengan itu memperlakan langkah mereka. Mengikut teori dwelling time, semakin lama manusia singgah di sesuatu tempat, semakin tinggi kemungkinan transaksi sosial dan ekonomi berlaku.

Mural memperlakan langkah bukan kerana ia cantik semata-mata, tetapi kerana ia menukar rasa asing menjadi rasa ingin tahu. Tiba-tiba pelawat yang hanya mahu mencari makan berhenti untuk mengambil gambar dan Kenangan, dan proses itu memanjangkan tempoh keberadaan mereka di Kawasan itu.



Mural sebagai bahasa tanpa huruf

Pelancong datang ke Jalan Alor dari budaya yang berbeza, bahasa yang berlainan, dan jangkaan yang tidak sama. Tetapi sesuatu yang universal ialah kuasa visual. Dari Paris ke Tokyo, mural bandar raya menjadi penanda arah sosial yang berfungsi membantu pelancong memahami konteks tempat tanpa membaca apa-apa. Di Jalan Alor, mural bukan sekadar hiasan untuk pelancong bergambar. Ia adalah bahasa yang membuat mereka merasa diterima, merasa dilihat, dan merasa kurang tersesat.

Apabila pelawat mengambil gambar mural dan memuat naiknya ke media sosial, mereka tidak hanya merakam seni, lebih sekadar itu, mereka turut merakam rasa selamat, rasa ingin tinggal lebih lama dan turut merasai bahawa Kuala Lumpur ialah bandar raya yang peduli terhadap apa yang pelancong lihat. Dari sudut ekonomi bandar, ini memulakan kitaran Instagram-led Urban Activation, iaitu semakin banyak orang berkongsi sesuatu ruang, semakin ramai yang ingin pergi ke sana dan apabila semakin ramai hadir, sekali gus semakin tinggi nilai ekonomi di ruang tersebut.

Lebih jauh lagi, mural memainkan peranan psikologi. Mengikut prinsip Crime Prevention Through Environmental Design (CPTED), ruang yang terang dan aktif membuatkan pelaku berisiko enggan mendekat. Mural berskala besar secara tidak langsung menyatakan bahawa kawasan tersebut dipantau, dijaga dan dihuni. Maka kehadiran mural bukan memanjangkan dinding tetapi memendekkan jarak antara manusia dan rasa aman.



MURAL SEBAGAI INFRASTRUKTUR EMOSI: BILA WARNA MEMBINA KEPERCAYAAN



Keunikan mural di Jalan Alor ialah fungsinya melangkaui estetika. Ia menjadi apa yang pakar bandar sebut sebagai infrastruktur emosi yang menjelaskan bahawa unsur tidak kelihatan tetapi menggerakkan tingkah laku manusia. DBKL memahami betapa ekonomi malam tidak hanya bergantung kepada makanan yang ditokok pada pengalaman perasaan. Pengunjung akan kembali ke tempat yang mereka merasa selamat, merasa diingati, dan merasas sedap dipandang. Dalam perkara ini, mural yang mengisi kekosongan itu.

Mural di Jalan Alor tidak dibiarkan menjadi kusam. Ia dirawat seperti aset bandar yang sama pentingnya dengan lampu jalan atau longkang. Ini kerana DBKL melihat mural bukan sebagai latar tetapi sebagai penggerak nilai dimana pengunjung berasa mereka berada dalam suasana yang dirancang untuk keselesaan.

Lebih menarik, mural mewujudkan struktur sosial baharu di Jalan Alor yang secara tidak langsung mewujudkan ruang untuk “berhenti seketika”. Di tempat berhenti ini, perbualan berlaku, kamera diangkat, deria diaktifkan, dan ia terasa lebih manusiawi. Kawasan yang dulu dilihat sekadar lorong belakang kini menjadi ruang memori.

Dalam konteks besar bandar raya, mural Jalan Alor ialah prototaip bagi visi City Creative Corridor menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 dimana jaringan seni bandar yang menghubungkan Jalan Parlimen, River of Life, Petaling Street, Jalan Alor dan Lorong Haji Taib. Kuala Lumpur sedang menunjukkan bahawa pembangunan bandar raya bukan sekadar konkrit, tetapi menambah rasa.

Bandar raya yang hebat bukan sahaja dibina, tetapi oleh apa yang dirasakan ketika kita melaluinya. Jalan Alor kini membuktikan sebuah perkara penting yang kadangkala cat di dinding lebih berjaya mengawal ruang daripada pagar besi, walhasil mural lebih efektif memimpin manusia daripada papan tanda.